

# PM: Sokong peranan Proton kriteria utama rakan kongsi

UM - 27/6/2007.

**Perkongasian strategik ini bertujuan memastikan rakan kongsi tersebut dapat menyumbang kepada peningkatan jenama dan produk Proton ke tahap berdaya saing di peringkat global**

**ABDULLAH AHMAD BADAWI**  
Perdana Menteri

**KUALA LUMPUR** 26 Jun - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kriteria utama pemilihan rakan kongsi strategik Proton dibuat berdasarkan kesediaannya membangunkan syarikat kereta nasional itu dalam keluarga jenama rakan kongsi tersebut.

Perdana Menteri berkata, rakan kongsi berkenaan juga harus menyokong peranan Proton dalam membangunkan bidang kejuruteraan termasuk penyelidikan dan pembangunan (R&D) tempatan.

"Perkongasian strategik ini ber-

tujuan memastikan rakan kongsi tersebut dapat menyumbang kepada peningkatan jenama dan produk Proton ke tahap berdaya saing di peringkat global," katanya.

Beliau berkata demikian dalam jawapan bertulis kepada soalan **Lim Kit Siang (DAP-Ipoh Timur)** pada persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Terdahulu, Ketua Pembangkang itu meminta Abdullah yang juga Menteri Kewangan melaporkan perkembangan tentang penentuan rakan kongsi asing untuk Proton dan kriteria yang

diperlukan dalam memilih rakan kongsi itu.

"Bagaimanakah rakan kongsi ini dapat mengukuhkan kedudukan Proton bukan sahaja sebagai pembuat kereta nasional tetapi sebagai sebuah syarikat kereta antarabangsa yang terkenal di dunia?" tanya Kit Siang.

Abdullah berkata, pemilihan rakan strategik itu dibuat melalui Jawatankuasa Pemandu bagi Proton.

"Antara objektif utama jawatankuasa ini adalah untuk melaksanakan proses pemilihan rakan kongsi strategik Proton.

"Keduanya, memastikan daya tahan Proton dan industri automotif negara diperkuatkan dari semasa ke semasa memandangkan Proton mempunyai peranan utama dalam membangunkan industri automotif di Malaysia," katanya.